

Tingkatkan usaha tarik minat pengundi muda

PENDEDAHAN Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bahawa 4.9 juta rakyat belum mendaftar sebagai pengundi sehingga Disember 2006 baru-baru ini mendukacitakan semua pihak.

Ini adalah kerana sebagai sebuah negara yang berdaulat dan mengamalkan sistem demokrasi berperlembagaan, nilai dan status sesuatu undi yang diberikan rakyat amat berharga dan diperlukan sebagai mandat untuk kerajaan terus memerintah dan melaksanakan pembangunan serta kemajuan rakyat dan negara.

Menurut laporan SPR, hampir 70 peratus daripada mereka yang tidak mendaftar adalah golongan muda yang berumur antara 21 hingga 35 tahun. Sehingga Disember tahun lepas, 15.2 juta rakyat layak mengundi selepas mereka mencapai umur 21 tahun, tetapi hanya 10.3 juta sahaja yang mendaftar sebagai pengundi.

Usaha menarik rakyat keluar mendaftar sebagai pengundi perlulah ditingkatkan dan diperluaskan segera. Antara kumpulan yang mesti diberi perhatian oleh SPR ialah pelajar-pelajar institusi pengajian

tinggi (IPT) awam dan swasta.

Ini kerana ramai di kalangan mereka yang masih belum mendaftar sebagai pengundi, oleh itu usaha menarik lebih ramai kelompok ini mesti dipertingkatkan.

Usaha pendaftaran pemilih dan kaunter-kaunter SPR boleh diperhebatkan lagi di surau-surau dan masjid terutamanya hari Jumaat iaitu sebelum atau selepas solat Jumaat; di balai raya di kampung-kampung; pejabat Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung; pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri; kawasan perindustrian seperti kilang-kilang; kompleks perniagaan utama; dan di kawasan rehat dan rawat di lebuhraya.

Mungkin juga SPR boleh menjalankan promosi pendaftaran pemilihan di penjara-penjara, pusat tahanan, pusat serenti, rumah-rumah perlindungan, dan lain-lain lagi. Inisiatif dan momentum ini adalah bagi meningkatkan lagi semangat dan minat rakyat mendaftar sebagai pemilih menjelang pilihan raya umum akan datang.

Aplikasi dan kemudahan pendaftaran

melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) dan Internet hendaklah diperluaskan agar rakyat lebih mudah, cepat dan efektif berurusan dengan SPR. Dan hal ini bakal memberi impak positif dan alternatif baru kepada rakyat yang belajar atau bekerja di luar negara. Mereka tidak perlu pulang ke tanah air semata-mata untuk mendaftar sebagai pengundi.

Usaha murni ini bukanlah tugas dan tanggungjawab SPR sahaja tetapi kerjasama semua pihak diperlukan bagi menjayakan misi dan visi besar ini. Ibu bapa, guru, pensyarah, ahli politik, pertubuhan bukan kerajaan dan media massa perlu berganding bahu memberi motivasi dan kesedaran kepada rakyat keluar mendaftar sebagai pemilih.

Mereka juga perlu berusaha menaikkan semangat nasionalisme dan patriotisme kepada yang masih belum mendaftar. Kerajaan tidak perlu mengumpukan bakal pemilih ini dengan tawaran hadiah atau wang tunai untuk mereka keluar mendaftar tetapi biarlah semangat, minat dan kesedaran itu hadir serta datang daripada jiwa sanubari mereka sendiri.

Um- 4/4/2007
Bagi yang masih belum mendaftar, ingatlah bahawa mengundi adalah amanah dan tanggungjawab yang wajib ditunaikan sebagai rakyat Malaysia. Masa hadapan, kemajuan, usaha pembinaan dan pemeraksanaan agama, bangsa dan negara adalah terletak dan bergantung sepenuhnya kepada kebijaksanaan dan kewarasan kita sebagai pemilih pada pilihan raya akan datang. Jangan tunggu hingga ke saat akhir untuk mendaftar kerana SPR memerlukan sekurang-kurangnya tiga bulan untuk memproses permohonan dan pendaftaran. Kita perlu bijak bertindak dan memilih.

Oleh yang demikian, gunalah kuasa, peluang dan kesempatan yang ada ini sebaiknya agar kita tidak menyesal di kemudian hari. Bagi mereka yang masih belum mendaftar, terutamanya generasi muda, hendaklah segera mendaftar sebagai pengundi di 640 kaunter yang disediakan SPR di pejabat pos seluruh negara.

**- MOHAMAD SOFEE RAZAK,
Tasek Gelugor, Pulau Pinang.**